

01 APR 2001

Umno-Haram

YAHYA NAFI 13 BAHAGIAN UMNO SABAH BERSTATUS "HARAM"

KOTA KINABALU, 1 April (Bernama) -- Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Yahya Husin hari ini menafikan dakwaan kononnya 13 daripada 20 bahagian Umno di Sabah berstatus "haram" kerana gagal menghantar penyata tahunan kepada Pendaftar Pertubuhan.

"Semua urusan bahagian Umno di negeri ini dijalankan secara teratur," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat tahunan pergerakan Wanita Umno bahagian Penampang, di sini hari ini.

Oleh kerana itu, kata beliau, tidak timbul soal sama ada berlaku kegagalan untuk menghantar penyata itu kepada Pendaftar Pertubuhan.

Yahya yang juga Menteri Pembangunan Belia, Kebudayaan dan Kemajuan Sukan Negeri berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik seorang anggota Umno sebagai mendakwa bahawa 13 bahagian Umno di negeri ini gagal menghantar penyata tahunan kepada Pertubuhan Pendaftar.

Anggota Umno bahagian Silam, Abdul Mutalib Mohamed Daud, dalam kenyataannya, turut menggesa Majlis Tertinggi Umno untuk menggantung 13 bahagian terbabit - Marudu, Bandau, Tuaran, Kota Kinabalu, Tanjung Aru, Penampang, Papar, Sipitang, Keningau, Sandakan, Silam, Semporna dan Tawau.

Abdul Mutalib berkata ini bagi mengelakkan pihak yang kalah dalam pertandingan merebut jawatan ketua bahagian daripada mengheret Umno ke mahkamah.

Beliau juga telah mengemukakan bantahan rasmi kepada Pendaftar Pertubuhan untuk mengambil tindakan segera termasuk menyemak rekod Umno bahagian terbabit.

Mengikut Akta Pertubuhan 1966, mana-mana pertubuhan yang tidak menghantar penyata tahunan meliputi minit mesyuarat agung, akaun tahunan, senarai jawatankuasa dan alamat terkini dalam tempoh empat tahun dianggap sebagai cawangan tidak wujud.

Terdahulu, dalam ucapannya, Yahya menasihati wanita Umno supaya menerima keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meneruskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

"Ini adalah keputusan pucuk pimpinan parti dan oleh itu kita harus akur kepada keputusan tersebut," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Wanita Umno Sabah Rosimah Zakaria berkata tidak ada pertandingan bagi jawatan ketua pergerakan wanita di tujuh bahagian.

Tujuh bahagian itu ialah Papar, Sipitang, Beaufort, Kinabalu, Kinabatangan, Tawau dan Tanjung Aru.

-- BERNAMA

NT RI